

SELASA, 28 DISEMBER, 1982

## Langkah Pemuda Umno awasi pembangunan amat tepat

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**LANGKAH** Pemuda Umno akan mengawasi supaya semua program pembangunan kerajaan dilaksanakan menurut jadual ialah satu langkah yang kita rasa amat tepat kerana dengan itu Pemuda Umno dapat dipertanggungjawabkan secara langsung terhadap kejayaan satu-satu projek.

Ini tidak bererti bahawa Pemuda Umno bermaksud mencampuri urusan harian atau urusan pentadbiran satu-satu projek. Ia hanya memberi peluang kepada Pemuda Umno mengikuti perkembangan satu-satu projek yang dimaksudkan untuk memperbaiki penghidupan rakyat.

Pergerakan Pemuda di tiap negeri akan mengadakan perjumpaan dan dialog dengan Kerajaan Negeri masing-masing sedangkan Pergerakan Pemuda Umno peringkat Pusat akan mengadakan dialog dengan kementerian-kementerian melalui bironya. Demikian rancangan yang diutarakan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Encik Anwar

Ibrahim, di Kota Baharu kelmarin.

Cara demikian akan memberikan kesempatan kepada Pemuda mengikuti dan mengawasi perkembangan satu-satu projek peringkat demi peringkat. Tetapi yang penting sekali ia mengelakkan apa yang sering berlaku di masa lalu ialah Pemuda hanya mengetahui tentang sesuatu rancangan kerajaan apabila projek itu dihebohkan kegagalannya oleh rakyat.

Mengikuti dan mengawasi perkembangan satu-satu projek tidak bererti mencampuri urusan pelaksanaannya tetapi memberikan garis-garis panduan yang bersesuaian dengan dasar kerajaan. Encik Anwar kelmarin menegaskan pentingnya bahawa semua jenis pembangunan perlu diterapkan dengan nilai-nilai Islam.

Menurut beliau, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pandang ke Timur "tidak memberi makna jikalau kita tidak memahami konsep serta falsafah sebenarnya". Dengan lain perkataan, pembangunan harus dilaksanakan secara "bersih

cekap dan amanah" untuk memastikan bahawa setiap projek itu "sampai kepada rakyat".

Pengawasan Pemuda akan memastikan bahawa tiap projek tidak menyimpang daripada lunas-lunas yang ditetapkan oleh kerajaan, diselenggarakan dengan "bersih, cekap dan amanah" demi kepentingan rakyat bahawa ia tidak menguntungkan segelintir manusia tetapi sebaliknya memberikan sebesar-besarnya manfaat kepada rakyat.

Pentadbir dan ahli-ahli iktisas hendaklah menerima langkah itu dengan hati terbuka dan tidak menganggapnya sebagai satu usaha dari satu golongan politik untuk mencampuri apa yang menjadi urusan mereka sebagai pentadbir dan sebagai orang 'profesional'.

Langkah itu tidak bermakna bahawa orang-orang politik cuba "mengajar itik berenang" ataupun cuba menguasai apa yang menjadi bidang yang terkhusus untuk golongan 'profesional' dan pentadbir. Tetapi ia sekadar dimaksudkan untuk memastikan bahawa apa yang dilakukan oleh jurutadbir dan ahli-ahli profesional tidak menyimpang daripada dasar dan falsafah kerajaan.

Dialog dengan kementerian dapat diterima sebagai usaha untuk menarik rakyat bersama-sama

mengikuti perkembangan satu-satu projek yang menyentuh kepentingan mereka. Kerana tidak dinafikan bahawa dialog itu diadakan di satu pihak antara mereka yang mempunyai pertalian erat dengan rakyat dan di satu pihak lagi mereka yang mentadbirkan dan mengurus keperluan dan kehendak rakyat. Dari satu segi, dialog-dialog itu akan memudahkan pentadbir kerana tiap projek itu akan lebih mudah difahami oleh rakyat.

Dialog dan perjumpaan-perjumpaan ini adalah cara yang sebaik-baiknya untuk kedua-dua pihak - organisasi politik dan pihak pentadbir serta pihak profesional saling kenal mengenai kehendak dan masalah masing-masing, membukakan kemungkinan-kemungkinan kerjasama yang lebih erat dan persefahaman yang lebih luas demi kelancaran dan kejayaan satu-satu projek. Tentulah ia lebih baik daripada masing-masing cuba meminta pengertian rakyat terhadap kebenaran masing-masing di dalam akhbar.

Kita mengharapkan langkah itu akan dapat memastikan bahawa dasar "bersih, cekap dan amanah" akan benar-benar diamalkan di dalam usaha-usaha kerajaan yang menyentuh secara langsung kepentingan rakyat.